

● KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera

06 Mei 2018

Sunnah Berkuda dan Memanah Bank Muamalat Malaysia Berhad Bersama Anak-Anak Orkids

Putrajaya Ahad, **06 Mei 2018**: Seramai 33 orang kanak-kanak dari Persatuan Kebajikan Anak-Anak Istimewa Selangor (**Orkids**) telah menyertai Program Sunnah Berkuda dan Memanah yang telah dijalankan di Taman Ekuestrian, Putrajaya. Program ini merupakan aktiviti yang julung kalinya dianjurkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti pendedahan aktiviti menunggang kuda, sesi joyride, pendedahan tentang aktiviti memanah mengikut sunnah, sesi memanah bersama jurulatih bertauliah dan memberi kuda makan. Taklimat mengenai penjagaan kuda juga diberikan.

Tujuan utama penganjuran program sunnah berkuda dan memanah ini adalah untuk menceriakan anak-anak yang kurang bernasib baik selain dapat beriadah sambil mendalami dua aktiviti sunnah Nabi (S.A.W.) dan mempelajari asas menunggang kuda, memanah dan perapian kuda. Walaupun kanak-kanak istimewa ini terdiri daripada golongan OKU, pendedahan dan pengalaman yang diperolehi ini turut memberikan mereka peluang sama rata seperti kanak-kanak normal yang lain, serta memberi mereka peluang untuk mengenali dunia di luar dengan lebih jelas.

Program yang dianjurkan ini adalah selaras dengan program tanggungjawab korporat Bank Muamalat yang bertemakan Memupuk Hubungan (Nurturing Relationship) di mana ianya meliputi empat aspek iaitu pendidikan, alam sekitar, kebajikan dan juga persekitaran kerja.

Selain perlu menumpukan kepada operasi harian syarikat dan memberikan perkhidmatan berkualiti kepada para pengguna, Bank Muamalat akan terus melaksanakan program-program seperti ini dalam membina hubungan erat dengan masyarakat dan komuniti setempat seterusnya mewujudkan jaringan yang lebih baik kepada semua pihak.

Dikeluarkan oleh Jabatan Komunikasi Korporat Bank Muamalat Malaysia Berhad. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Saidatul Leiza Suleiman di alamat e-mail leiza@muamalat.com.my atau 01132226558.